

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN
AHMAD [KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 24 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah graduan lepasan bidang perubatan, pergigian dan farmasi yang masih belum ditempatkan dalam Kerajaan. Apakah sebabnya berlaku lambakan graduan yang terpaksa menganggur seterusnya apakah langkah-langkah yang diambil Kementerian untuk menyelesaikan masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah graduan perubatan, pergigian dan farmasi yang telah berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia dan lulus tapisan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang belum dilantik secara kontrak bagi menjalani latihan siswazah atau khidmat wajib adalah seperti berikut:

- (a) seramai 1,335 graduan perubatan lulus tapisan SPA selepas 7 Disember 2019 masih belum dilantik bagi menjalani latihan siswazah;

SOALAN NO. 34

- (b) seramai 415 graduan pergigian lulus tapisan SPA selepas 1 Januari 2020 masih belum dilantik bagi melengkapkan khidmat wajib; dan
 - (c) seramai 196 graduan farmasi lulus tapisan SPA selepas 8 Februari 2020 masih belum dilantik bagi menjalani latihan siswazah.
2. Antara faktor yang menyebabkan tawaran pelantikan belum dikemukakan kepada graduan yang lulus tapisan SPA, khususnya graduan perubatan adalah:
- (a) Slot latihan siswazah sebanyak 12,153 masih diisi dan menunggu untuk dikosongkan dari semasa ke semasa. Ini mengambil kira jumlah keluaran graduan perubatan yang pada masa ini telah mencecah 5,000 hingga 6,000 pada setiap setahun berbanding slot yang boleh ditawarkan; dan
 - (b) terdapat ramai Pegawai Perubatan Siswazah yang tidak dapat menamatkan latihan dalam tempoh dua (2) tahun dan masih perlu melanjutkan latihan siswazah mereka atas pelbagai sebab seperti diluluskan cuti bersalin, diberikan cuti sakit akibat masalah kesihatan dan dilanjutkan latihan kerana isu kompetensi.
3. Bagi memendekkan tempoh menunggu penempatan latihan siswazah dan khidmat wajib ini, Kementerian Kesihatan sentiasa membuat penambahbaikan, antaranya:
- (a) Menambah bilangan Hospital Latihan Siswazah iaitu daripada 38 buah pada 2009 kepada 48 buah pada tahun 2019. Berdasarkan perancangan KKM, sebanyak enam (6) buah hospital lagi dalam proses penelitian untuk pelaksanaan Program Latihan Siswazah dalam tempoh dua (2) tahun akan datang;

SOALAN NO. 34

- (b) bekerjasama dengan Konsortium Hospital Universiti Awam Malaysia bagi meningkatkan slot penempatan latihan siswazah di Hospital Universiti seperti PPUM, HUKM dan HUSM sehingga 950 slot bagi menampung penempatan Pegawai Perubatan Siswazah Gred UD41 menjalani latihan siswazah;
- (c) Slot latihan siswazah telah ditingkatkan daripada 10,835 pada tahun 2013 kepada 12,153 pada masa ini; dan
- (d) Menambah bilangan disiplin alternatif yang boleh dipilih oleh pegawai iaitu daripada 5 disiplin kepada 9 disiplin termasuk penempatan di klinik kesihatan.

4. Selain daripada langkah tersebut, Kerajaan menerusi Kementerian Pengajian Tinggi telah melanjutkan Moratorium Penawaran Kursus Baru Bidang Perubatan di Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam negara selama 5 tahun lagi iaitu sehingga 2021 yang mana moratorium tersebut meliputi 3 aspek berikut:

- (a) tiada pertambahan universiti kolej perubatan baru;
- (b) tiada pertambahan Program Pengajian Perubatan yang baru; dan
- (c) tiada pertambahan kuota pelajar Pengajian Perubatan.

Sekian, terima kasih.